

**PERATURAN PERTANDINGAN  
TENIS BERPASUKAN  
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

**1.0 NAMA**

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Tenis Berpasukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

**2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN**

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-Undang Pertandingan Persekutuan Tenis Antarabangsa Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM) dan Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

**3.0 PENYERTAAN**

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara (5.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia

**4.0 YURAN PENYERTAAN**

- 4.1 Perkara (7.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

**5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN**

- 5.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh jawatankuasa teknikal dan Pertandingan;  
5.2 Setiap pasukan boleh mendaftar satu (1) pasukan seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain Lelaki	8 orang
4	Pemain Wanita	4 orang
	JUMLAH	14 orang

- 5.3 Pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bertanding di sepanjang pertandingan ini. Seorang pemain boleh bermain (1) acara sahaja di dalam sesuatu perlawanan;

## **6.0 ACARA PERTANDINGAN**

- 6.1 Pertandingan dijalankan secara berpasukan;
- 6.2 Susunan perlawanan adalah seperti berikut:
  - 6.2.1 Perlawan Pertama : Perseorangan Lelaki
  - 6.2.2 Perlawan Kedua : Beregu Lelaki Veteran
  - 6.2.3 Perlawan Ketiga : Beregu Wanita
  - 6.2.4 Perlawan Keempat : Beregu Campuran
  - 6.2.5 Perlawan Kelima : Beregu Lelaki

## **7.0 PAKAIAN PERTANDINGAN**

- 7.1 Sila rujuk Perkara (10.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
- 7.2 Peserta wanita digalakkan memakai "track bottom".

## **8.0 BOLA RASMI PERTANDINGAN**

- 8.1 Akan diumumkan oleh Pihak Pengangur.

## **9.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 9.1 Sistem pertandingan akan mengikuti Perkara (9.0) Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia;
- 9.2 Perlawan dari peringkat awal hingga peringkat suku akhir akan dijalankan secara pro set (8). Jika kedudukan 8-8 sama, "game" berikutnya adalah "tie-break" untuk menjadikan kedudukan 9-8. Jika kedudukan 7-7 perlawan akan diteruskan sehingga 9-7.
- 9.3 Perlawan di peringkat separuh akhir dan peringkat akhir akan dijalankan melalui 3 set terbaik (best of 3 sets). Sistem kiraan tambahan (tie-break system) akan digunakan jika kedudukan menjadi 6-6.
- 9.4 Pemain-pemain juga adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan "House Rules";
- 9.5 Permainan hendaklah berterusan melainkan untuk "rubber set" di mana 5 minit rehat dibenarkan selepas set kedua.

## **10.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

- 10.1 Cara memberi mata (kumpulan):

Menang	-	2 mata
Kalah	-	0 mata

- 10.2 Jika 2 (dua) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

- 10.2.1 Pasukan yang memenangi bilangan set yang terbanyak dikira menang. (set difference)
  - 10.2.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak dikira menang. (game difference)
  - 10.2.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan mata yang terbanyak dikira menang. (point difference)
  - 10.2.4 Jika masih seri lagi, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.
  - 10.2.5 Jika tiga atau lebih pasukan masih seri, pasukan yang mendapat jumlah mata permainan terbanyak dikira menang. Jika terdapat jumlah mata yang sama perkiraan set menang/kalah dan penyertaan mata keseluruhan akan diambil kira.
- 10.3 Sekiranya cuaca buruk, penglihatan kurang jelas, kekurangan gelanggang/masa dan berlaku perkara di luar jangka, pihak pengajur berhak mengadakan tiap-tiap perlawanan di peringkat separuh akhir atau di peringkat akhir, kepada satu set sahaja dimana pemain yang mencapai 9 "game" terlebih dahulu dikira menang.

## **11.0 PERTUKARAN PEMAIN**

- 11.1 Perkara (6.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

## **12.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR**

- 12.1 Perkara (12.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

## **13.0 PERLAWANAN DITUNDA ATAU DIHENTIKAN**

- 13.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 13.2 Perkara (11.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

## **14.0 BANTAHAN**

- 14.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara (17.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

## **15.0 KEADAAN LUAR JANGKA**

15.1 Perkara (23.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.